

PEMBATALAN GVHP KERANA TIADA TINDAKAN PEMBETULAN

1. *Surat arahan akan dikeluarkan serta-merta bagi mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh 1 (satu) minggu hingga 3 (tiga) bulan (bergantung kepada jenis ketidakakuran);*
2. *Lawatan susulan akan dilakukan selepas tamat tempoh ditetapkan atau apabila pihak berkenaan telah bersedia;*
3. *Seekiranya pihak berkenaan gagal membetulkan ketidakakuran, pembaharuan sijil bagi tahun tersebut akan digantung sehingga ketidakakuran tersebut selesai;*
4. *Sekiranya dalam tempoh 2 (dua) tahun (atau 2 (dua) kali lawatan audit pemeriksaan semula) pihak berkenaan tidak dapat menyelesaikan ketidakakuran, penganugerahan sijil akan ditarik balik;*
5. *Logo boleh diguna sehingga 6 bulan selepas tarikh penarikan sijil dibuat;*
6. *Jika pihak yang telah ditarik balik sijil GVHP masih berminat menyertai Skim Pensijilan GVHP, pihak tersebut perlu mengemukakan permohonan baru mengikut prosedur yang telah ditetapkan.*